

D845

U B696 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MENDAKWA BANYAK NAMA PENGUNDI YANG DIPERCAYAI PENYOKONG KERAJAAN DIKELUARKAN DARIPADA SENARAI DAFTAR PENGUNDI OLEH ORANG TERTENTU YANG BUKAN DARI PARTI KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, TINDAKAN YANG TIDAK SEMENA-MENA ITU MENYEBABKAN RAMAI ORANG YANG BERHAK MENGUNDI TIDAK DAPAT MENGUNDI.

PERKARA YANG SAMA JUGA BERLAKU KEPADA UMNO KERANA KIRA-KIRA 2,000 NAMA ANGGOTANYA TIDAK ADA DALAM SENARAI DAFTAR PENGUNDI APABILA DISEMAK, KATANYA SEMASA MEMBENTANGKAN PINDAAN AKTA PILIHANRAYA UNTUK BACAAN KALI KEDUA DI DEWAN RAKYAT.

+YANG PELIKNYA, DALAM SENARAI DAFTAR ITU ADA NAMA ORANG YANG MASIH HIDUP DIKATAKAN SUDAH MENINGGAL DUNIA DAN NAMA ORANG YANG TELAH LAMA MENINGGAL DUNIA, KEKAL SEBAGAI PENGUNDI+, KATANYA.

BELIAU BERKATA, PERKARA ITU DISEDARI HASIL DARIPADA SEMAKAN TELITI UMNO TERHADAP SENARAI PENGUNDI DI BEBERAPA KAWASAN. -- LAGI.  
1905MST 15 03 90

D846

U B697 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, SEHUBUNGAN DENGAN ITU BELIAU TELAH MEMBERI ARAHAN KEPADA UMNO SUPAYA MENYEMAK SENARAI DAFTAR PENGUNDI DI KAWASAN MASING-MASING.

BELIAU BERKATA, KEJADIAN YANG BERLAKU SEKARANG SAMA SEPerti YANG DIALAMI OLEH DATUK HAJI ASRI MUDA YANG +KEHILANGAN+ NAMANYA DALAM SENARAI DAFTAR PENGUNDI SELEPAS MENGANGGOTAI UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENOLAK CADANGAN DAP YANG MAHU PEMERHATI BEBAS ANTARABANGSA DIJEMPUT MENGAWAL SELIA DAN MEMERHATI PERJALANAN PILIHAN RAYA DI NEGARA INI.

+DENGAN BERBUAT DEMIKIAN KITA SEPerti MENYINDIR DAN MENARUH SYAK WASANGKA TERHADAP SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR) YANG SELAMA INI TERBUKTI BEBAS DAN ADIL+, KATANYA.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA TIDAK DIPERINTAH OLEH SEBUAH PARTI YANG MEMERLUKAN BADAN ANTARABANGSA UNTUK CAMPURTANGAN MENENTUKAN KEADILAN WUJUD DALAM PROSES PILIHAN RAYA NEGARA. -- LAGI.

1907MST 15 03 90

D953

U B747 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, KUMPULAN PEMERHATI PILHAN RAYA YANG DITUBUHKAN, BARU-BARU INI MENDAPAT SOKONGAN PENUH DAP KERANA ANGGOTA-ANGGOTANYA TERDIRI DARIPADA KALANGAN YANG ANTI-KERAJAAN DAN FAHAMAN POLITIK MEREKA CENDERUNG KEPADA PARTI PEMBANGKANG ITU.

+SEBAGAI CONTOH, CHANDRA MUZAFFAR PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986 TELAH SECARA TERBUKA MENYOKONG DAP DAN BEKAS KETUA HAKIM NEGARA, TUN SUFFIAN HASHIM YANG BERKEMPEN SERATA NEGARA DAN LUAR NEGERI MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN+, KATANYA.

BELIAU BERPENDAPAT ADALAH LEBIH BAIK JIKA SEMUA PIHAK MENARUH KEPERCAYAAN KEPADA SPR YANG SELAMA INI TIDAK PERNAH MENGELUARKAN KENYATAAN ATAU TINDAKAN YANG CENDERUNG KEPADA MANA-MANA PIHAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SIKAP TERBUKA KERAJAAN SELAMA INI MEMBOLEHKAN SEMUA PIHAK TERMASUK PARTI PEMBANGKANG MELUAHKAN PANDANGAN SECARA BEBAS WALAUPUN HINGGA KE LUAR NEGERI.

KATANYA, KEBEBASAN ITU MELIPUTI AKHBAR-AKHBAR YANG TIDAK DIHALANG DALAM PENYIARAN BERITA TERMASUK BERITA YANG MENKRITIK KERAJAAN.

+OLEH ITU DAKWAAN YANG MENGATAKAN TIDAK ADA KEBEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI ADALAH TIDAK BETUL. KITA BUKAN SEPERTI PARTI SEMANGAT 46 YANG SANGGUP MEMBAKAR AKHBAR-AKHBAR KERANA LAPORAN YANG DIBUAT OLEH AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN MENGENAI PARTI ITU+, TAMBAH BELIAU. --  
BERNAMA

2234MST 15 03 90